

**PERNYATAAN PENTING  
UNTUK PERSIDANGAN HARI KESYUKURAN 2022**

**Dalam seluruh alam semesta, satu-satunya berkat yang abadi  
ialah Tuhan Tritunggal yang mendispenkan diri-Nya  
dalam Trinita Divin-Nya ke dalam kita  
melalui kita menikmati hukum Roh hayat yang huni secara dalaman  
dan automatik demi pembinaan Tubuh Kristus;  
kenikmatan ini mempunyai satu matlamat, iaitu menjadikan kita Tuhan  
dalam hayat, sifat, dan ekspresi tetapi bukan dalam Ketuhanan  
untuk menyempurnakan matlamat ekonomi abadi-Nya—Yerusalem Baru.**

**Kita semua dapat mengalami pendispenan divin daripada Trinita Divin  
dengan menghirup Roh itu, iaitu nafas kudus,  
minum minuman rohani yang sama, iaitu Kristus  
sebagai Roh beri-hayat almuhit, dan makan Kristus sebagai roti Tuhan—  
roti sebenar, roti syurgawi, roti hayat, dan roti hidup—  
dan dikonstitusikan dengan-Nya  
agar kita dapat mengekspresikan-Nya dan mewakili-Nya.**

**Sebagai percayawan dalam Kristus, kita hanya perlu mengasihi Tuan  
dan mengekalkan diri kita terbuka kepada-Nya,  
memberi Dia setiap peluang untuk melakukan segala-gala  
yang ingin dilakukan-Nya,  
dan kita perlu berpuas dengan kehidupan hari-hari biasa,  
mempunyai pengalaman yang lazim dan normal  
dalam pendispenan divin daripada Trinita Divin;  
ini merupakan perkara normal yang ajaib dalam ekonomi divin.**

**Menurut seluruh wahi daripada enam puluh enam buku Bible,  
Trinita Divin—Bapa, Anak, dan Roh—adalah untuk pendispenan Tuhan,  
iaitu untuk mengagihkan Tuhan ke dalam umat pilihan-Nya;  
Tuhan adalah tritunggal supaya Dia dapat mendispenkan diri-Nya ke dalam kita,  
menggarapkan diri-Nya ke dalam kita untuk kenikmatan kita  
agar kita dapat dibina menjadi Tubuh Kristus  
dan dipersiapkan menjadi pengantin Kristus demi kedatangan kedua-Nya;  
pada masa itu kingdom dunia akan menjadi kingdom Tuan kita dan Kristus-Nya  
agar Dia dapat meraja buat selama-lamanya.**

**Garis Kasar Mesej untuk Persidangan Hari Kesyukuran  
24-27 November 2022**

**SUBJEK AM:  
PENDISPENAN DIVIN DARIPADA TRINITI DIVIN  
DEMI EKONOMI DIVIN**

Mesej Satu

**Berkat Abadi Tuhan Tritunggal  
Menerusi Pendispenan Divin daripada Trinititi Divin  
ke dalam Kita bagi Menyempurnakan Ekonomi Divin-Nya**

Bacaan Bible: Bil. 6:22-27; 2 Kor. 13:14; Wahi 22:1-2

- I. Dalam seluruh alam semesta, satu-satunya berkat ialah Tuhan Tritunggal, dan berkat ini mencapai kita menerusi pendispenan divin daripada Trinititi Divin ke dalam kita untuk kita nikmati bagi menyempurnakan ekonomi divin-Nya:**
- A. Ekonomi abadi Tuhan ialah pentadbiran rumah tangga-Nya untuk mendispenkan diri-Nya dalam Kristus ke dalam umat pilihan-Nya, supaya Dia memperoleh rumah untuk mengekspresikan diri-Nya; rumah ini ialah gereja, iaitu Tubuh Kristus; ekonomi abadi Tuhan ialah rancangan abadi-Nya, dan pendispenan divin-Nya ialah sarana yang melalui-Nya Dia menyempurnakan rancangan-Nya—1 Tim. 1:3-4; 3:15; Roma 12:5; Ef. 1:10; 3:8-9; 2:10.
  - B. Pendispenan divin Tuhan mendeifikasikan percayawan, iaitu menjadikan mereka Tuhan dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan, untuk membina gereja sebagai Tubuh Kristus dan untuk mempersiapkan pengantin Kristus bagi membawa masuk kingdom Kristus; untuk tujuan ini, Tuhan menjadi seorang manusia untuk “memanusiakan” diri-Nya; kemudian Dia mendispenkan diri-Nya sebagai hayat ke dalam kita untuk “mentuhankan” kita.
  - C. Hasrat Tuhan dalam ekonomi-Nya ialah mendispenkan diri-Nya dalam Trinititi Divin-Nya—Bapa, Anak, dan Roh—ke dalam umat pilihan-Nya; satu-satunya matlamat Tuhan dalam masa ialah mendispenkan diri-Nya ke dalam kita hari demi hari.
- II. Dalam Bilangan 6:22-27, kita melihat teladan memberi berkat oleh hentar; berkat ini bukan berkat Wasiat Lama ataupun berkat Wasiat Baru; sebaliknya, berkat ini ialah berkat abadi Tuhan Tritunggal, iaitu Tuhan Tritunggal mendispenkan diri-Nya dalam Trinititi Divin-Nya ke dalam kita untuk kita nikmati:**
- A. “Yehova memberkatimu dan memeliharamu” boleh merujuk kepada Bapa—ay. 24:
    - 1. Bapa memberkati kita dengan setiap cara dan dalam semua aspek dalam kasih-Nya (bd. Ef. 1:3), dan Dia menjaga kita dengan setiap cara dan dalam semua aspek dalam kudrat-Nya (bd. Yoh. 17:11, 15).
    - 2. Tuan berdoa supaya Bapa memelihara kita dalam nama-Nya (ay. 11); ini adalah untuk memelihara kita dalam Tuhan Tritunggal yang mendispen; Tuan Yesus seterusnya berdoa supaya Bapa memelihara kita daripada yang jahat itu (ay. 15).
    - 3. Kita harus berdoa untuk berkat ini, iaitu agar kita terpelihara sepenuhnya dalam pendispenan Tuhan Tritunggal dan sama sekali berada di luar yang jahat itu; betapa besarnya berkat ini!
  - B. “Yehova menyinarimu dengan muka-Nya dan bermurah hati terhadapmu” boleh merujuk kepada Anak—Bil. 6:25:

1. Dalam Lukas 1:78, ketika Tuan Yesus sudah hendak dilahirkan, Zakharia bernubuat, “Suria terbit akan mengunjungi kita dari tempat tinggi”; suria yang terbit ini ialah Anak dalam Trinitas Divin; ini mengimplikasikan inkarnasi Tuhan untuk menyatakan diri-Nya kepada kita dengan cara menyinar—Mat. 4:16; Yoh. 8:12.
  2. Perkataan *muka* dalam Bilangan 6:25 menandakan hadirat; muka Kristus Anak menyinari kita bererti Dia ialah hadirat yang boleh tampak bagi Tuhan yang tidak dapat dilihat—2 Ptr. 1:16-18; Mat. 17:1-2.
  3. Bilangan 6:25 bukan sahaja berbicara tentang Yehova menyinari kita dengan muka-Nya, bahkan tentang Yehova bermurah hati terhadap kita; dua butir ini ditambahkan bersama adalah sama dengan Yohanes 1:14, 16-17.
  4. Inkarnasi Tuhan ialah penyinaran hadirat-Nya; penyinaran ini disertai kurnia; kurnia ini ialah kurnia Tuan Yesus Kristus, yang sebenarnya merupakan Kristus sendiri—2 Kor. 13:14.
- C. “Yehova mengangkat wajah-Nya terhadapmu dan memberi kamu damai sejahtera” boleh merujuk kepada Roh—Bil. 6:26:
1. Muka menandakan hadirat seseorang, dan wajah pula menandakan air muka seseorang; mengangkat wajah terhadap seseorang bererti mengesahkan, meyakinkan, menjanjikan, dan memberikan segala-gala kepada orang itu.
  2. Yesus datang sebagai muka Tuhan, dan Roh Kudus datang sebagai wajah Tuhan; jika kita mendukakan Dia, wajah-Nya akan tunduk (Ef. 4:30), namun jika kita patuh kepada-Nya, Dia akan berasa gembira terhadap kita, dan Dia akan mengangkat wajah-Nya untuk mengesahkan kita, meyakinkan kita, memberi jaminan kepada kita, berjanji kepada kita, dan memberi kita segala-gala.

**III. Berkat dalam 2 Korintus 13:14 sama dengan berkat dalam Bilangan 6:22-27; berkat ini ialah berkat abadi Tuhan Tritunggal, iaitu Tuhan Tritunggal mendispenkan diri-Nya dalam Trinitas Divin-Nya ke dalam kita untuk kita nikmati—“kurnia Tuan Yesus Kristus dan kasih Tuhan dan persekutuan Roh Kudus menyertai kamu semua”:**

- A. “Yehova memberkatimu dan memeliharamu” ialah kasih Tuhan Bapa sebagai sumber hayat dan cahaya—ay. 24; Mzm. 36:8-9.
- B. “Yehova menyinarimu dengan muka-Nya dan bermurah hati terhadapmu” ialah kurnia Kristus sebagai lemak di rumah Tuhan—Bil. 6:25.
- C. “Yehova mengangkat wajah-Nya terhadapmu dan memberi kamu damai sejahtera” ialah persekutuan Roh Kudus sebagai sungai kegirangan Tuhan—ay. 26.

**IV. Kurnia Tuan ialah Tuan sendiri sebagai hayat kepada kita untuk kita nikmati (Yoh. 1:17; 1 Kor. 15:10), kasih Tuhan ialah Tuhan sendiri (1 Yoh. 4:8, 16) sebagai sumber kurnia Tuan, dan persekutuan Roh ialah Roh itu sendiri sebagai transmisi kurnia Tuan berserta kasih Tuhan untuk kita berbahagian dalamnya—2 Kor. 13:14:**

- A. Kurnia Tuan disebut dahulu dalam 2 Korintus 13:14 kerana buku ini adalah berkenaan kurnia Kristus—1:12; 4:15; 6:1; 8:1, 9; 9:8, 14; 12:9.
- B. Roh Kudus sebagai peredaran, transmisi kurnia Kristus bersama-sama kasih Bapa ialah bekalan dalam kehidupan Kristian dan kehidupan gereja kita:
  1. Seluruh kehidupan gereja bergantung pada 2 Korintus 13:14.
  2. Aliran Trinitas Divin dalam kita seperti yang diwahikan dalam 2 Korintus 13:14 ialah nadi rohani kita.
- C. Dalam berkat dutus Paulus dalam 2 Korintus 13:14, Tuhan Tritunggal datang kepada orang untuk menjadi kenikmatan mereka; Paulus bukan sahaja membawa orang ke dalam hadirat Tuhan, malah dia juga membawa Tuhan ke dalam mereka:

1. Dari satu segi, memberkati orang lain bererti membawa mereka ke dalam hadirat Tuhan; dari segi yang lain, ia bererti membawa Tuhan sebagai kasih, kurnia, dan persekutuan ke dalam mereka supaya mereka dapat menikmati Tuhan Tritunggal—Bapa, Anak, dan Roh.
2. Kasih, kurnia, dan persekutuan ialah tiga peringkat Tuhan untuk kita nikmati—kasih adalah dalaman, kurnia ialah kasih yang diekspresikan, dan persekutuan ialah transmisi kurnia ke dalam kita.
3. Kasih Tuhan ialah sumber, memandangkan Tuhan ialah asal; kurnia Tuhan ialah saluran kasih Tuhan, memandangkan Tuhan ialah ekspresi Tuhan; dan persekutuan Roh ialah penyaluran kurnia Tuhan bersama-sama kasih Tuhan untuk kita mengalami dan menikmati Tuhan Tritunggal—Bapa, Anak, dan Roh, berserta virtu-virtu divin Mereka.
4. Wahi divin tentang Trinitas Divin dalam Sabda kudus bukanlah untuk pengajian teologi tetapi untuk kita menanggapi-faham bagaimana Tuhan dalam Trinitas Divin-Nya yang penuh misteri dan mengagumkan itu mendispenkan diri-Nya ke dalam umat pilihan-Nya, agar kita sebagai umat yang dipilih dan ditebus-Nya dapat, seperti yang ditunjukkan dalam berkat dutus kepada percayawan Korintus, mengambil bahagian dalam, mengalami, menikmati, dan memiliki Tuhan Tritunggal terproses buat masa sekarang dan hingga keabadian; kita harus menikmati dan diberkati Tuhan Tritunggal yang terproses dan beredar secara dalaman ini hari demi hari supaya kita dapat mendispenkan Dia sebagai satu-satunya berkat dalam alam semesta ke dalam orang lain bagi menyempurnakan hasrat hati Tuhan untuk memperoleh kesaksian Yesus, yakni ekspresi korporat Yesus—ay. 14; Gal. 3:14; Kej. 12:2; Flp. 1:25; Wahi 1:2, 9-12.

**V. Dalam Yerusalem Baru terdapat “sungai air hayat, terang seperti kristal, mengalir keluar dari takhta Tuhan dan Anak Domba...Di sebelah sini dan sebelah sana sungai itu ada pohon hayat”—22:1-2a:**

- A. Dalam keabadian, Tuhan yang duduk di atas takhta ialah Anak Domba-Tuhan, yakni Tuhan kita yang menebus, yang dari takhta-Nya mengalir keluar sungai air hayat berserta pohon hayat untuk bekalan dan kepuasan kita.
- B. Anak Domba sebagai lampu akan bersinar bersama dengan Tuhan sebagai cahaya untuk menerangi kota dengan kemuliaan Tuhan, iaitu ekspresi cahaya divin—21:23; 22:5.
- C. Tuhan Tritunggal—Tuhan, Anak Domba, dan Roh itu, yang dilambangkan oleh air hayat—mendispenkan diri-Nya ke dalam umat yang ditebus-Nya di bawah kekepalaan-Nya (diimplikasikan dalam kuasa takhta) hingga keabadian.
- D. Jalan Yerusalem Baru adalah emas tulen (21:21), dan sungai air hayat mengalir keluar di tengah jalannya (22:1); oleh sebab emas melambangkan sifat divin Tuhan, kita dapat melihat bahawa hayat divin mengalir dalam sifat divin sebagai satu-satunya jalan untuk kehidupan harian umat yang ditebus Tuhan.
- E. Sebagai konsumasi bagi seluruh catatan Bible, Yerusalem Baru ialah Tuhan dalam Trinitas Divin-Nya—Bapa, Anak, dan Roh—disatukan, dibaurkan, dan diinkorporasikan dengan umat-Nya yang dipilih, ditebus, dilahirkan, ditransform, dan dimuliakan untuk menjadi berkat abadi mereka; berkat sedemikian ialah penggenapan muktamad bagi berkat Tuhan kepada Israel dalam Bilangan 6—bd. Wahi 21:3, 12, 14, 22; 22:1-2.

**VI. “Kadang-kadang, apabila kita melihat keadaan kita, kita mungkin kecewa dan berasa bahawa kita tidak memiliki apa-apa. Bagi kita, segala yang berada di bawah matahari, malah segala yang berada dalam lingkungan rohani seolah-olah kesia-siaan atas kesia-siaan. Kita mungkin merasakan bahawa tidak ada yang benar, bahkan dalam kehidupan gereja sekalipun. Apakah yang harus kita lakukan apabila kita mempunyai perasaan seperti ini? Kita harus berpaling kepada Tuhan Tritunggal. Dialah berkat dan bahagian kita**

yang sebenar. Alangkah berberkatnya kita memiliki Dia sebagai berkat! Alangkah berberkatnya untuk memiliki muka-Nya, hadirat-Nya, dan menikmati Dia setiap hari sebagai kurnia! Semakin banyak kita menderita, semakin banyak kita menikmati-Nya sebagai kurnia. Alangkah berberkatnya kita memiliki wajah-Nya yang senyum kepada kita, meyakinkan kita, dan memberi pengesahan kepada kita! Dan alangkah berberkatnya kita memiliki damai sejahtera dalam Dia, melalui Dia, dan bersama dengan Dia! Inilah Tuhan Tritunggal sebagai berkat kita. Oh, semoga kurnia Kristus, kasih Tuhan, dan persekutuan Roh Kudus menyertai kamu semua!"—*Kajian-hayat Bilangan*, m.s. 87-88.